

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 2004/2005

Oktober 2004

HIU 225 – Pendidikan Nilai-Nilai Murni dari Perspektif Islam

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **TIGA** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **EMPAT** soalan sahaja. Jawab soalan **SATU [WAJIB]** dan pilih **TIGA** soalan yang lain.

...2/-

1. [a] Terangkan definisi ilmu kerohanian dan kepentingan-kepentingannya.
[25 markah]
- [b] Huraikan skop perbincangan tentang ruh oleh ahli-ahli ilmu kerohanian.
[25 markah]
- [c] Huraikan persoalan tentang akal dalam ilmu kerohanian.
[25 markah]
- [d] Huraikan persoalan tentang *nafs* dalam ilmu kerohanian.
[25 markah]
2. [a] Terangkan hubungan al-Quran dan al-Sunnah dengan ilmu kerohanian.
[25 markah]
- [b] Terangkan bagaimana kaitan ilmu tauhid dengan ilmu kerohanian.
[25 markah]
- [c] Terangkan bagaimana kaitan ilmu fekah dengan ilmu kerohanian.
[25 markah]
- [d] Huraikan punca-punca penyakit hati dan kaedah-kaedah rawatannya.
[25 markah]
3. [a] Huraikan bagaimana peranan ibadah khusus dalam melahirkan sifat-sifat mahmudah.
[25 markah]

- [b] Huraikan bagaimana hubungan yang baik antara hamba dengan Allah (*habl min Allah*) dapat melahirkan hubungan baik sesama manusia (*habl min al-nas*).
[25 markah]
- [c] Huraikan apakah yang dimaksudkan dengan *muhasabah al-nafs*, cara-caranya dan kepentingan-kepentingannya?
[50 markah]
4. [a] Huraikan tentang konsep mujahadah dan rukun-rukunnya.
[60 markah]
- [b] Terangkan apakah yang dimaksudkan dengan akhlak dan bincangkan ciri- cirinya.
[20 markah]
- [c] Apakah hujah-hujah yang mengatakan akhlak itu boleh diubah?
[20 markah]
5. [a] Bincangkan faktor-faktor dalaman dan luaran penyelewengan akhlak dan cara-cara mengatasinya menurut pandangan Islam.
[50 markah]
- [b] Apakah yang dimaksudkan dengan ihsan dari segi bahasa dan istilah serta bincangkan peranan dan kesannya terhadap kehidupan bermasyarakat.
[50 markah]
6. [a] Terangkan definisi *tazkiyah al-nafs* dari segi bahasa dan istilah.
[20 markah]
- [b] Terangkan dua dimensi proses *tazkiyah al-nafs*.
[20 markah]
- [c] Huraikan kepentingan *tazkiyah al-nafs*.
[30 markah]
- [d] Huraikan mekanisma pelaksanaan *tazkiyat al-nafs*.
[30 markah]